

17 JUL 2001

PAS AKUI KEMAJUAN DIBAWA DR MAHATHIR

TASIK KENYIR, 17 Julai (Bernama) -- Timbalan Presiden Pas Abdul Hadi Awang berkata parti itu tidak menafikan kemajuan yang dicapai oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang 20 tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Menteri Besar Terengganu itu berkata rakyat telah menikmati kemajuan daripada segi kemudahan dan juga teknologi maklumat yang diusahakan oleh Dr Mahathir yang genap 20 tahun menjadi Perdana Menteri semalam.

"Kita sanjung juga dengan sistem demokrasi yang masih wujud di negara ini...pilihan raya masih ada dan kita juga ambil bahagian," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Abdul Hadi berkata lebih banyak perubahan boleh dibuat selepas 40 tahun negara merdeka terutama daripada segi memerdekan pemikiran rakyat termasuk memberi kebebasan berfikir.

-- BERNAMA

SN MAI